



**KERAJAAN MALAYSIA**



**LPKP**

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 12 TAHUN 2009**

---

**MEMPAMERKAN NOMBOR ADUAN TALIAN BEBAS TOL DAN  
SISTEM PESANAN RINGKAS (SMS) BARU LPKP DI BADAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH: 2 DISEMBER 2009**

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN  
PERDAGANGAN BIL.12 TAHUN 2009**

Semua Persatuan Teksi, Kereta Sewa

Semua Persatuan Bas Ekspres, Bas Berhenti-henti, Bas Sekolah

Semua Pengusaha Teksi, Kereta Sewa, Teksi Lapangan Terbang, Teksi Mewah / Limosin, Kereta Sewa Pandu

Semua Pengusaha Bas Ekspres, Bas Berhenti-henti, Bas Sekolah, Bas Catar, Bas Pekerja, Bas Pengantara

Semua Pengusaha Pembawa A / C

Persatuan Pengangkutan Kontena Malaysia (CHAM)

Semua LPKP Wilayah, Semenanjung Malaysia

**MEMPAMERKAN NOMBOR ADUAN TALIAN BEBAS TOL DAN  
SISTEM PESANAN RINGKAS (SMS) BARU LPKP DI BADAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada para pengusaha kenderaan perdagangan (pengangkutan awam dan barangan) mengenai garis panduan baru yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) untuk mempamerkan nombor aduan talian bebas tol dan SMS baru LPKP di badan kenderaan perdagangan.

## **PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah mengeluarkan Pekeliling LPKP Bil. 10/2009 : Mempamerkan Nombor Aduan Talian Bebas Tol dan SMS baru LPKP di Badan Kenderaan Perdagangan pada 2 September 2009 .

3. Mesyuarat Perwakilan Kuasa LPKP Kepada Jawatankuasa Lembaga, Pengerusi / Timbalan Pengerusi dan Pegawai Lembaga Bilangan 2 Tahun 2009 pada 30 Oktober 2009 telah memutuskan **arahan di para 4.2, Pekeliling LPKP Bil. 10 Tahun 2009 tidak terpakai ke atas kelas lesen kereta sewa dan pandu.** Ini bermaksud kereta sewa dan pandu tidak perlu mempamerkan nombor aduan talian bebas tol dan SMS baru LPKP di badan kenderaan.

## **GARIS PANDUAN BARU PENGGUNAAN NOMBOR ADUAN LPKP**

4. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah menetapkan garis panduan baru penggunaan nombor aduan LPKP adalah seperti berikut:

4.1 Nombor aduan LPKP ini hendaklah ditampal dengan menggunakan pelekat atau disembur dengan menggunakan cat **dibahagian belakang badan kenderaan.** Bagi kenderaan yang tidak mempunyai ruang belakang yang mencukupi (seperti lori), nombor aduan ini hendaklah ditampal di bahagian belakang atau tepi badan kenderaan.

4.2 Saiz dan bentuk label pelekat nombor aduan LPKP bagi kenderaan teksi, kereta sewa, teksi lapangan terbang dan teksi mewah / limosin yang perlu dipatuhi oleh para pengusaha adalah seperti di **Lampiran A. Pengecualian diberikan kepada lesen kereta sewa dan pandu sahaja.**

4.3 Saiz dan bentuk label pelekat nombor aduan LPKP bagi kenderaan bas ekspres, bas berhenti-henti, bas sekolah, bas catar, bas pekerja, bas pengantara, lori Pembawa 'A' / KA dan 'C' yang perlu dipatuhi oleh para pengusaha adalah seperti di **Lampiran B. Kenderaan bersaiz kecil** bagi kelas lesen seperti yang dinyatakan di atas hendaklah menggunakan label pelekat seperti di **Lampiran A.**

## **TEMPOH KUAT KUASA**

5. Tempoh kuat kuasa penampalan pelekat nombor aduan baru LPKP adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>KELAS PERKHIDMATAN</b>	<b>TEMPOH KUAT KUASA</b>
1.	Teksi / Kereta Sewa	Sehingga 15 September 2009
2.	Bas	Sehingga 15 September 2009
3.	Pembawa A / C	Sehingga 31 Oktober 2009

## **PEMAKAIAN**

6. Selaras dengan garis panduan yang ditetapkan ini, semua pejabat Wilayah LPKP dikehendaki memastikan semua pengusaha kenderaan

perdagangan mematuhi arahan dan garis panduan mempamerkan nombor aduan LPKP di bahagian belakang badan kenderaan perdagangan.


## **TARIKH KUATKUASA**

7. Arahan Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

## **PEMBATALAN**

8. Pekeliling LPKP Bil. 5 Tahun 2003 bertarikh 30 Oktober 2003 dan Pekeliling LPKP Bil. 10 Tahun 2009 bertarikh 2 September 2009, Mempamerkan Nombor Aduan Talian Bebas Tol dan SMS LPKP di Badan Kenderaan Perdagangan adalah **dibatalkan**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)**

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

Semenanjung Malaysia

Jabatan Perdana Menteri

**2 DISEMBER 2009**

**Salinan Kepada:**

Ketua Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan,  
Aras 1-5, Blok D-4, Kompleks D,  
**62502 PUTRAJAYA.**

Ketua Polis Trafik  
Cawangan Trafik  
Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
**50560 KUALA LUMPUR**

Ketua Pegawai Eksekutifi PUSPAKOM  
Wisma DRB HICOM  
No. 2, Jalan Usahawan U1/8  
Seksyen U1  
40150 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

**Edaran Dalam:**

Pengerusi LPKP

Pengarah LPKP Wilayah Tengah

Pengarah LPKP Wilayah Timur

Pengarah LPKP Wilayah Utara

Pengarah LPKP Wilayah Selatan

Sila tampal pekeliling ini pada  
papan kenyataan di pejabat  
LPKP Wilayah

KPPK (D)

KPP (L)

KPP (K)

PPK (A)